



SIARAN MEDIA
SEKRETARIAT MAJLIS TVET NEGARA

**HARI TVET NEGARA 2026 PERKUKUH TVET SEBAGAI PILIHAN
UTAMA KERJAYA**

Sambutan Hari TVET Negara 2026 akan diadakan pada 5 hingga 7 Jun 2026 di Dataran Putrajaya sebagai platform nasional bagi memperkukuh ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara.

Berteraskan tema “TVET Pilihan Utama Kerjaya”, sambutan ini menghimpunkan kementerian, agensi kerajaan, institusi TVET awam dan swasta, pemain industri, usahawan, pelajar serta masyarakat dalam usaha meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan TVET sebagai pemacu pembangunan modal insan dan ekonomi negara.

Hari TVET Negara 2026 melalui enam hab aktiviti utama menawarkan pelbagai pengisian menarik dan interaktif termasuk pameran TVET dan teknologi, seminar industri, Karnival Kerjaya TVET, keusahawanan, pertandingan kemahiran, robotik, *drone soccer*, *Future Skills Showcase*, TVET Idol, E-Sukan serta pelbagai aktiviti santai dan hiburan berinformasi untuk seisi keluarga.

Penganjuran ini turut menjadi platform memperkukuh kerjasama strategik antara institusi TVET dan industri bagi memastikan pembangunan bakat negara selari dengan keperluan pasaran kerja semasa dan masa hadapan

yang berteraskan teknologi, inovasi dan kemahiran.

TVET kini terus menunjukkan perkembangan positif dengan enrolmen keseluruhan sebanyak 459,558 pelajar serta kadar kebolehpasaran graduan TVET meningkat kepada 95.9 peratus pada tahun 2025. Perkembangan ini membuktikan bahawa TVET semakin diyakini masyarakat sebagai laluan utama membina kerjaya berkemahiran tinggi dan masa depan yang lebih cemerlang.

Orang ramai khususnya pelajar, ibu bapa, belia dan pencari kerja dijemput hadir memeriahkan Hari TVET Negara 2026 yang berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 10.00 malam sepanjang penganjuran.

Maklumat lanjut mengenai Hari TVET Negara 2026 boleh diperoleh melalui laman web rasmi <https://haritvetnegara.tvet.gov.my/>

SEKRETARIAT MAJLIS TVET NEGARA
PEJABAT TIMBALAN PERDANA MENTERI
3 JUN 2026

LAMPIRAN : POSTER SAMBUTAN HARI TVET NEGARA 2026



HARI TVET NEGARA 2026

DATARAN PUTRAJAYA | **5 - 7 JUN 2026** | **9.00 - 10.00**
JUMAAT - AHAD | **PAGI** | **MALAM**



haritvetnegara.tvet.gov.my



LAMPIRAN : KIT PROMOSI HARI TVET NEGARA 2026

[PROMO KIT HTN 2026 - Google Drive](#)

